

Rujukan : LPIPM :SPT/BSB/01/01/4 (12)
Tarikh : 18 Ogos 2020

PENGARAH
CIDB Wilayah Persekutuan
Tingkat 11, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

PENGARAH
CIDB Selangor
Tingkat 5 & 6, Wisma PKPS
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14
40675 Shah Alam, Selangor

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN TEMPOH SAH PENGGUNAAN CERTIFICATE OF APPROVAL (COA)
BAGI URUSAN PENGELUARAN PRODUK DARI PORT KLANG FREE ZONE (PKFZ)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak CIDB Ibupejabat telah mengadakan sesi perbincangan bersama pihak KASTAM, PKFZ, lain-lain OGA dan pengimport yang terlibat di dalam penggunaan kemudahan PKFZ bagi mengeluarkan satu prosedur operasi standard (SoP) bagi tempoh sah COA yang akan digunakan untuk proses pengeluaran produk dibawah Jadual ke-4 Perintah Larangan Kastam 1967.

3. Hasil dari perbincangan terdahulu bersama pihak KASTAM Pelabuhan Barat & PKFZ pada 13 Ogos 2020, satu keputusan sementara dicapai iaitu sehingga tarikh **30 September 2020 (Rabu) tiada keperluan untuk memperbaharui COA yang telah tamat tempoh** untuk urusan pengeluaran produk yang ditempatkan di PKFZ oleh pengimport yang menggunakan kemudahan tersebut.

4. Pihak CIDB Ibupejabat akan memaklumkan kepada pihak tuan/puan keputusan dibuat berkenaan prosedur operasi standard (SoP) tersebut setelah ianya dimuktamadkan. Pihak tuan/puan boleh menghubungi Pn. Rashimah Adenan/ Pn. Azlina Omar untuk sebarang maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

'BINA SEMPURNA'


SAZALI CHE AMAT

Pengurus Besar
Bahagian Standard dan Bahan Binaan

b.p. Ketua Eksekutif

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

IBU PEJABAT

Tingkat 10, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra,
No.45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA
t • 6 03-4047 7000 f • 6 03-4047 7070 www.cidb.gov.my

